

Wabak coronavirus baharu

3 individu negatif 2019-nCoV

Keputusan sampel seorang lagi diketahui masa terdekat

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my


Kuala Lumpur: Ujian makmal terhadap tiga daripada empat individu yang disyaki dijangkiti coronavirus baharu dikenali sebagai 2019-nCoV, disahkan negatif.

Sampel bagi seorang lagi individu masih diuji dan keputusannya dijangka diketahui dalam masa terdekat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPKC) Kebangsaan menerima laporan empat kes, dua di Sabah dan Selangor.

Katanya, semua empat individu itu dimasukkan ke wad pengasingan di sebuah hospital di Sabah semalam, beliau berada dalam keadaan stabil. "Sampel bagi kes itu telah dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk menjalani ujian pengesanan dan pengesahan. Keputusan ujian bakal diperolehi dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

2019-nCoV mula tersebar di Wuhan sejak awal bulan ini apabila beberapa individu memiliki simptom seperti pneumonia, se-



belum Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan ia adalah wabak koronavirus yang baharu.

Beberapa kes di luar Wuhan mula dikesan kemudian, termasuk di Beijing, Shanghai dan Guangdong, selain Thailand, Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Amerika Syarikat. Pihak berkuasa China mengesahkan 571 kes dan 17 kematian dicatatkan setakat semalam.

Sebuah pasar makanan laut dan haiwan eksotik di Wuhan dipercayai menjadi punca wabak itu, manakala beberapa media antarabangsa melaporkan ia ber-

kemungkinan tersebar kepada manusia daripada ular, yang turut dijual di pasar berkenaan.

Mengulas langkah siap siaga dilaksanakan Kementerian Kesihatan selaras saranan WHO, Dr Noor Hisham memaklumkan, aktiviti saringan di pintu masuk antarabangsa kini diperkukuh dan individu disyaki akan dirujuk untuk pemeriksaan lanjut.

Jelasnya, saringan pesakit di klinik kesihatan dan hospital turut diperkukuh, manakala tatacara pengurusan kes disyaki wabak 2019-nCoV membabitkan fasiliti kesihatan dan swasta turut

dikeluarkan.

Sementara itu, beliau turut menyarankan rakyat Malaysia menanggungkan perjalanan ke Wuhan, China bagi mencegah penularan wabak 2019-nCoV, namun jika terpaksa, mereka perlu mengelak mengunjungi tempat tumpuan umum atau bergaul rapat dengan individu yang memiliki gejala wabak berkenaan.

Jelasnya, mereka juga perlu mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi, selain membawa penutup mulut dan hidung serta pencuci tangan untuk digunakan apabila perlu.